

'Kami minta maaf, tiada niat untuk mendera'

KAJANG – Sepasang suami isteri yang tular kerana mendera kanak-kanak berusia empat tahun masing-masing didenda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen Bandar Baru Bangi di sini semalam, atas pertuduhan melakukan penganiayaan terhadap mangsa sehingga mengalami kecederaan fizikal.

Hakim Effandi Nazila Abdulah menjatuhkan hukuman itu terhadap Muhammad Fitri Jasmani Josmani, 30, dan isterinya, Amira Hamzah, 28, selepas pasangan tersebut mengaku bersalah atas pertuduhan yang disabitkan ke atas mereka.

Muhammad Fitri merupakan warga Singapura, manakala isterinya rakyat tempatan.

Mereka berdepan hukuman penjara 12 bulan jika gagal membayar denda.

Mereka berdua secara bersama sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap mangsa yang berusia empat tahun telah menganiaya sehingga menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal.

Kesalahan dilakukan di se-



MUHAMMAD FITRI (kiri) dan isterinya, Amira (kanan) didakwa mendera anak angkat mereka berusia empat tahun di Mahkamah Sesyen Bandar Baru Bangi semalam.

buah rumah di Jalan Eco Majestic, Semenyih di sini pukul 1.25 tengah hari pada April hingga 18 Julai lalu.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga 20 tahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, kedua-dua ter-

tuduh yang tidak diwakili peguam merayu hukuman ringan dengan alasan tiada niat untuk mendera mangsa, sebaliknya bimbang akan kesihatan anak angkat mereka.

"Kami minta maaf, tiada niat untuk mendera. Sebenarnya kami cuma hendak pastikan dia (mangsa) makan dan tidak kurang zat dalam badan," kata

Muhammad Fitri.

Timbalan Pendakwa Raya, Hakim Amir Abdul Hamid dalam hujah pemberatannya berkata, kedua-dua tertuduh tidak amanah dan tidak bertanggungjawab dalam menjaga mangsa.

"Kanak-kanak berumur sedemikian perlu diberi perhatian dan kasih-sayang. Kecederaan mangsa berlaku di banyak ba-

hagian anggota badan dan bukannya satu bahagian. Ini boleh menyebabkan trauma terhadap mangsa," katanya.

Sementara itu, di mahkamah sama, Muhammad Fitri turut didenda RM10,000 selepas mengaku bersalah atas tuduhan tinggal lebih tempoh dibenarkan di negara ini dan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15 (1)(c) Akta Imigresen 1959/63 Pindaan 2002.

Kosmo! sebelum ini melaporkan sepasang suami isteri ditahan kerana dipercayai mendera anak angkat mereka dalam kejadian di sebuah rumah di Semenyih pada 18 Julai lalu.

Difahamkan, polis menerima laporan berhubung kejadian selepas tular di media sosial. Siasatan awal mendapati kejadian berlaku kerana mangsa tidak suka makan nasi sebelum dipaksa makan sehingga termuntah.

Mangsa merupakan anak warga Indonesia dan tiada sebarang dokumen pengenalan diri sebelum diserahkan kepada suspek sejak April lalu kerana ibu kandung tidak mampu menjaganya.